

# Nelayan dapat RM1,000 sebulan

**Kerajaan NS beri pampasan pembinaan projek Lexis Hibiscus 2**

SARINAH MAT KASIM

POR T DICKSON

S eramai 42 nelayan **LEXIS / HIBISCUS 2** kampung Bukit Pelandok Batu 12 Pasir Panjang di sini bakal menerima RM1,000 setiap bulan sebagai pampasan sepanjang pembinaan Lexis Hibiscus 2 pada 2020.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, sepanjang pembinaan projek itu, sebahagian besar kawasan laut akan

ditutup sekali gus menjasikan pendapatan nelayan.

Menurutnya, disebabkan masalah tersebut, melalui tabung khas nelayan yang akan diperuntukkan pemaju harta tanah, pihak terlibat diminta menyediakan peruntukan sebanyak RM12 juta bagi memberi bantuan secara bulanan kepada kumpulan nelayan berkenaan selama tempoh lima tahun.

"Mengambil kira kepentingan dan kebaikan nelayan, kita beri bantuan bulanan sebanyak RM1,000 sepanjang tempoh pembinaan yang dijangka pada pertengahan 2020.

"Bantuan diberikan sebagai ganti rugi dan dapat membantu nelayan yang tidak dapat ke laut sepanjang projek pembinaan



Aminuddin (dua dari kiri) pada sidang media semalam.

nanti.

"Pembangunan yang kita rancang tidak sesekali memberi kesan kepada penduduk sekitar malah kerajaan negeri sangat mengambil berat kepada kampung nelayan dari segi ekologi, persekitaran, malah pendidikan, peluang pekerjaan dan kebersihan pantai di kawasan sekeliling juga diambil kira dalam pembangunan yang dirancang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Mendaftarkan Perjanjian Usahasama Perbadanan Menteri Besar bersama pemaju, Kumpulan Kuala Lumpur Metro bagi projek pembangunan baharu Lexis Hibiscus 2, di Pasir Panjang di sini malam semalam.

Majlis tersebut turut disaksikan Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri

Anwar Ibrahim dan Pengurus Kumpulan KL Metro, Datuk Mat Hassan Esa serta Pengarah Urusannya, Datuk Law Tak Fatt.

Sementara itu, menurut Anwar, hampir 3,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan kepada penduduk tempatan sebaik sahaja resort itu siap.

"Salah satu faedah utama usaha sama ini adalah untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan

## Lexis Hibiscus 2

- Bertaraf lima bintang
- Dijangka dibuka secara rasmi pada 2024
- Dibina bersebelahan Lexis Hibiscus Port Dickson
- Terdapat 760 vila yang mempunyai kolam renang termasuk 582 atas air dan 178 vila sky pool

dan perniagaan kepada penduduk setempat, selain sebagai daya tarikan pelancong datang ke Negeri Sembilan.

"Setakat ini, resort dibawah Lexis Hotel Group telah berjaya menarik lebih 5.2 juta pelancong datang ke Port Dickson termasuk pelancong dari luar negara yang datang dari serata dunia," katanya.